

**SULIT**

3755/2

Perdagangan

Kertas 2

September

2011

2 jam

Nama : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN KELANTAN**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TINGKATAN LIMA  
2011**

---

**PERDAGANGAN**

**KERTAS 2**

Masa : 2 jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B
2. Jawab **tiga soalan** daripada Bahagian A dan **satu soalan** wajib di bahagian B
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan dan ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Anda dibenarkan mengguna kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

---

**Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak.**

3755/2

**SULIT**

**[Lihat halaman sebelah**

PERDAGANGAN (2) TING 5 PERCUBAAN SPM 2011

**Bahagian A**

( 75 markah )

Jawab **tiga** soalan sahaja.

1. (a) Gambar berikut menunjukkan proses pengeluaran barang.



- i. Apakah jenis pengkhususan tersebut? (1 markah)
- ii. Nyatakan empat sebab pengkhususan diamalkan di kilang pakaian. (4 markah)

- (b) Berikut adalah perbualan antara dua orang petani.

Aminah	: Wah, banyaknya pisang awak. Habiskah awak makan sendiri?
Salmah	: Tidak, saya jual kepada peniaga yang datang mengambilnya.
Aminah	: Saya pun ada juga tanam pisang, tapi cukup untuk dimakan sahaja.

Bezakan jenis pengeluaran yang dihasilkan oleh Minah dan Salmah. (6 markah)

- (c) Gambar berikut menunjukkan jenis perusahaan.



Perusahan X

Perusahan Y

Huraikan dua jenis perusahaan dalam pengeluaran di atas (6 markah)

- (d) Terangkan perkaitan antara pengeluaran, perdagangan dan perniagaan? (8 markah)

2. (a) Nyatakan ciri-ciri peruncit kecil-kecilan. (6 markah)
- (b) Gambar berikut menunjukkan perbualan antara Encik Sudin dengan Encik Wan di tempat perniagaannya.




- i. Apakah jenis peruncitan tersebut? (1 markah)
- ii. Jelaskan tiga kelebihan dan tiga kelemahan kepada Encik Sudin sekiranya beliau memilih cadangan En Wan. (6 markah)
- (c) i. Nyatakan keadaan yang memerlukan nota debit dihantar kepada seorang penghutang. (3 markah)
- ii. Gambar berikut menunjukkan sejenis dokumen.

	Syarikat Den Ken	No : 74
	38, Jalan Mentakab, Raub, Pahang.	Tarikh : 21 Mei 2011
	Diterima daripada : <u>Daniel Trading</u>	
Jumlah ringgit : <u>Dua Ribu Seratus Sahaja</u>		
Bayaran untuk : <u>Sewa Premis</u>		
RM 2,100.00		
Tunai/Cek No : <u>BBB No : 000403</u>		<u>Den Ken</u> Pengurus

Mengapakah dokumen itu perlu dilekatkan setem dan ditandatangani ? (3 markah)

- (d) Nyatakan perbezaan bil muatan dengan bil udara. (6 markah)

3. (a) Berikut adalah pekerjaan lima orang sahabat karib dalam IKS.



i Nyatakan bidang pembuatan yang diceburi mereka. (5 markah)

ii Bagaimanakah konsep payung dapat membantu IKS dalam pengeluaran dan kewangan? (4 markah)

(b) Terangkan kelebihan penswastaaan kepada kerajaan. (5 markah)

(c) Nyatakan tiga faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pelabur sebelum melabur dalam

i simpanan tetap


ii syer biasa (6 markah)

(d) Berikut ialah dialog antara peminjam dengan pegawai bank.

<p>WanAni : Saya ada geran tanah untuk dicagarkan.</p> <p>Pegawai bank : Banyak lagi perkara yang harus dipertimbangkan untuk meluluskan pinjaman .</p>
---

Selain daripada cagaran, apakah faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan pinjaman? (5 markah)

4. (a) Gambar berikut menunjukkan perbualan antara Azwan dengan ejen insurans.




- i. Adakah Azwan berjaya membeli insurans untuk rumah jirannya?  
Berikan alasannya. (5 markah)
  - ii. Senaraikan tiga prinsip insurans yang perlu dipatuhi oleh insured. (3 markah)
- (b) Apakah kelebihan pengkontenaan dalam perniagaan antarabangsa? (6 markah)
- (c) Terangkan peranan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM). (5 markah)
- (d) Berikut adalah dialog antara majikan dengan pekerjanya.

Majikan	:	Tolong belikan saya wang pos RM500. Saya hendak jelaskan bayaran asrama dan derma PIBG anak.
Pekerja	:	Mengapakah anda tidak membeli kiriman wang? Itu kan lebih baik.

Nyatakan tiga perbezaan perkhidmatan pembayaran tersebut. (6 markah)

5. (a) Terangkan bagaimana pergudangan dapat membantu seorang pengeluar beras? (5 markah)
- (b) Gambar berikut menunjukkan satu bentuk pengiklanan.



Iklan X

Iklan Y

- i. Nyatakan jenis gaya tarikan iklan-iklan di atas. (2 markah)
- ii. Huraikan ciri-ciri setiap gaya tarikan iklan yang diamalkan oleh peniaga tersebut. (6 markah)
- (c) Puan Ainun yang menggunakan bahan pencuci muka berjenama ACITERA selama satu minggu didapati mukanya lebam, menggelupas, dan gatal-gatal sehingga terpaksa mendapat rawatan pakar kulit. Beliau meminta bantuan persatuan pengguna untuk menyelesaikan kesnya.

Terangkan peranan persatuan pengguna dalam kes di atas. (6 markah)

- (d) Berikut adalah perbualan antara Puan Munirah dengan Puan Rohani.

Puan Munirah : Saya ingin membeli produk kesihatan untuk mengurangkan berat badan.  
 Puan Rohani : Awak perlu berhati-hati dalam memilih produk tersebut.

Terangkan hak Puan Munirah sebagai seorang pengguna. (6 markah)

Bahagian B

[ 25 markah ]

Soalan ini wajib dijawab.

6.

Puan Miza adalah mantan guru rekaan jahitan pakaian di Kota Bharu. Beliau mendapat imbuhan daripada Kerajaan Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ( KWSP ) sebanyak RM300,000 setelah berkhidmat selama 33 tahun. Wang tersebut disimpan dalam akaun pelaburan Mudharabah, tetapi suaminya tidak bersetuju dan mencadangkan beliau membuat pelaburan dalam harta tanah. Lima tahun yang lalu beliau mendapat bayaran pampasan tanah sebanyak RM400,000 dan telah melabur dalam akaun simpanan tetap dengan kadar faedahnya 7.5% setahun.

Puan Melati yang merupakan sahabat karib Puan Miza, telah mengajaknya menjadi rakan kongsi untuk membuka sebuah butik, yang menyediakan pakaian siap eksklusif dan menerima tempahan menjahit pakaian. Menurut Puan Melati, terdapat banyak faktor yang perlu dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan sendiri.

Mereka berjaya menubuhkan Anggun Butik Mila bertempat di Kubang Kerian, Kota Bharu. Butik tersebut mempunyai pekerja seramai enam orang di mana gaji dibayar setimpal dengan kemahiran dan pengalamannya. Mereka merasakan telah melaksanakan tanggungjawab terhadap pekerjaannya tetapi masih ada pekerja yang tidak berpuas hati kerana kebajikan mereka diabaikan seperti masa rehat yang singkat serta sukar mendapat cuti sehinggalah ada pekerja bercadang untuk mencari pekerjaan di tempat lain.

- (a) (i) Mengapakah Pn Miza memilih pelaburan Mudharabah? (3 markah)
- (ii) Mengapakah suaminya tidak bersetuju dan mencadangkan pelaburan lain dibuat? (4 markah)
- (iii) Hitungkan jumlah wang terkumpul setelah lima tahun membuat pelaburan dalam akaun simpanan tetap. (4 markah)
- (b) (i) Terangkan dua faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Pn Melati dan Pn Miza untuk memulakan perniagaan mereka. (4 markah)
- (ii) Mengapakah mereka ingin menubuhkan perniagaan secara perkongsian? (4 markah)
- (c) Selain pembayaran gaji yang setimpal, terangkan tanggungjawab lain yang perlu diamalkan oleh Anggun Butik Mila terhadap pekerjaannya. (6 markah)

SOALAN TAMAT